

08 SEP 1999

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, malam ini.

Antara perkara yang dijangka dibincangkan ialah persiapan Umno di semua peringkat dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Selain itu, Dr Mahathir juga dijangka memaklumkan hasil lawatan beliau ke beberapa negeri sebelum ini untuk bertemu dengan rakyat.

Mesyuarat itu juga dijangka membincangkan isu semasa khususnya yang melibatkan kepentingan parti.

-- BERNAMA

TM PR